

PERSEPSI KEJIRANAN TERHADAP FAKTOR YANG MENDORONG
PERLAKUAN JENAYAH

MOHAMMUD NAZIRUL BIN MOHD NOH

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pengurusan Aset Dan Fasiliti

Fakulti Geoinformasi Dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

DEDIKASI

Tinta kasih abadi buat ayahanda dan bonda tercinta.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, rasa syukur kepada Allah SWT di atas segala nikmat dan rahmat yang diberinya melimpah ruah sehingga penulis dapat menyempurnakan projek sarjana ini. Bersyukur juga atas kurniaan-Nya kerana ibu dan bapa banyak memberikan motivasi dan semangat untuk meneruskan perjuangan ini hingga ke akhir kajian ini.

Atas kesempatan ini, ingin sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Penyelia Projek iaitu Sr. Dr. Maimunah binti Sapri yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang proses pelaksanaan kajian ini sehingga sempurna.

Kedua, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih pada pensyarah-pensyarah di FGHT secara amnya, dan khususnya di Pusat Kajian Harta Tanah (CRES) yang banyak berkongsi ilmu dan maklumat. Pandangan dan nasihat mereka sesungguhnya memberi semangat buat saya dalam penyiapan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada keluarga dan sahabat handai yang membantu dan memberi sokongan sepanjang kajian ini dilakukan.

ABSTRAK

Pemantapan “*neighbourhood concept*” adalah salah satu cabaran bagi pihak berkuasa tempatan bagi memenuhi keperluan konsep asas iaitu menjana sosio-ekonomi yang mampan. Elemen persekitaran fizikal seperti parkir kenderaan, hentian bas dan taman permainan adalah salah satu elemen yang perlu diberi perhatian dalam memastikan komuniti kejiranan kerana peranannya mampu mempengaruhi keselamatan dan sekuriti penduduk sekitar. Walaubagaimanapun, sekiranya fasiliti ini tidak diselenggara dan diberi perhatian khusus maka ianya mampu untuk bertukar menjadi “fasiliti berisiko”. Impaknya, mampu menjadi faktor “*generator*” dan “*attractor*” buat pelaku jenayah di kawasan kejiranan tersebut lalu menimbulkan faktor ketakutan dan kerisauan di kalangan komuniti di kawasan kejiranan tersebut. Objektif bagi kajian ini adalah menekankan tentang mengenal pasti elemen di persekitaran fizikal yang dikatakan mampu mendorong perlakuan jenayah di kawasan kejiranan berdasarkan perspektif kejiranan setempat dan mengenal pasti fasiliti yang paling berisiko di kawasan kejiranan. Sejumlah 100 unit borang soal selidik telah diedarkan kawasan sekitar bagi tujuan mengumpul data mengenai perspektif komuniti kejiranan terhadap setiap faktor fizikal dan pengurusan yang boleh mempengaruhi persekitaran fizikal di kawasan kejiranan. Data diperolehi dari beberapa responden yang berada di beberapa kelompok kejiranan kawasan Skudai seperti Taman Universiti, Taman Teratai dan Taman Pulau Utama. Hasil data diperolehi berdasarkan 11 faktor yang merangkumi dua elemen utama iaitu elemen fizikal dan elemen pengurusan. 11 faktor tersebut adalah seperti jalanraya, pejalan kaki, papan tanda, pencahayaan, keadaan bangunan dan fasiliti, rekabentuk bangunan, penyelenggaraan, kebersihan, penguatkuasaan peraturan atau polisi, kawalan sekuriti, dan komunikasi dengan pihak pengurusan. Analisis deskriptif frekuensi, min dan indeks kritikal telah digunakan bagi menerangkan elemen yang mendorong perlakuan jenayah. Melalui analisis tersebut, faktor pencahayaan menjadi tumpuan utama responden dan dianggap elemen utama dalam mendorong perlakuan jenayah di kawasan kejiranan selain keadaan papan tanda. Lot parkir pula adalah fasiliti yang paling berisiko di kawasan kejiranan kerana faktor keluasan dan sukar diurus. Secara keseluruhan, faktor pengurusan yang melibatkan fasiliti fizikal sebenarnya adalah elemen utama yang menjadikan persekitaran fizikal adalah selamat dan mampan.

ABSTRACT

Enhancement of "neighborhood concept" is one of the challenges for local authorities to meet the requirements of the basic concepts that generate sustainable socio-economic development. Elements of the physical environment such as vehicle parking, bus stops and playgrounds is one of the elements that need to be addressed to ensure that the neighborhood community for its role that could affect the safety and security of residents. However, if these facilities are not maintained and are given special attention, it is able to transform into "risky facilities". Its impact would be a factor "generator" and "attractor" for the perpetrators of the crime in the neighborhood and cause fear and anxiety in the community in the neighborhood. The objective of this study was emphasized on identifying elements in the physical environment that can encourage criminal conduct alleged in the neighborhood based on the perspective of the local neighborhood and identify facilities most at risk in the neighborhood. A numbers of 100 of questionnaires have been distributed around the area for the purpose of gathering data on neighborhood community perspective to every physical and management factors that can affect the physical environment in the neighborhood. Data obtained from some respondents who were in the neighborhood of some groups such as Taman Universiti, Skudai, Taman Teratai and Taman Pulai Utama. Results obtained data based on 11 factors that include two key elements of the physical elements and element management. These 11 factors are as roads, sidewalks, signage, lighting, building and facility conditions, building design, maintenance, janitorial, regulation or policy enforcement, security controls, and communication with management. Descriptive analysis of frequency, mean and criticality index were used to describe elements that encourage criminal behavior. Through this analysis, the lighting became the main focus of the respondents and is considered a key element in encouraging crime in neighborhoods other than the signs. Lot parking facilities are most at risk in the neighborhood because of the breadth and difficult to manage. Overall, the factors affecting the management of the physical facility is actually the key elements that make the physical environment is safe and sustainable.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	TAJUK KAJIAN	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Persoalan Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Skop Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Metodologi Kajian	12
	1.7.1 Pendahuluan: Kajian Awal	12
	1.7.2 Kajian Literatur	12
	1.7.3 Mengenal Pasti Kaedah Kajian	13
	1.7.4 Mengumpulkan Data	13
	1.7.5 Menganalisis Data	14
	1.7.6 Cadangan dan Kesimpulan	15
	1.8 Susunatur Bab	17

2	PERSEKITARAN FIZIKAL KEJIRANAN	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Persekitaran Fizikal Dalam Pengurusan Fasiliti	20
2.3	Persekitaran Fizikal dan Kawasan Kejiranan	22
2.4	Persekitaran Fizikal Kejiranan	23
2.5	Jenayah	25
	2.5.1 Jenayah di Kawasan Kejiranan	25
2.6	Fasiliti dan Jenayah	27
	2.6.1 Fasiliti Kejiranan	27
	2.6.2 Fasiliti Berisiko	27
2.7	Tindakan Pencegahan Jenayah di Kejiranan	31
	2.7.1 Pencegahan Jenayah Melalui Rekabentuk Persekitaran (CPTED)	31
2.8	Faktor-faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah di Kejiranan	33
	2.8.1 Keadaan Jalan Raya	34
	2.8.2 Rekabentuk Pejalan Kaki	35
	2.8.3 Keadaan Papan Tanda	35
	2.8.4 Pencahayaan	36
	2.8.5 Keadaan Bangunan/ Fasiliti	37
	2.8.6 Rekabentuk dan Susunatur Bangunan/ Fasiliti	38
	2.8.7 Penyelenggaraan	39
	2.8.8 Kebersihan	39
	2.8.9 Penguatkuasaan Peraturan/ Polisi	40
	2.8.10 Kawalan Sekuriti	40
	2.8.11 Komunikasi Pihak Pengurusan Fasiliti/ Kemudahan	41
2.9	Fasiliti Yang Berisiko di Kawasan Kejiranan	43
	2.9.1 Stesen Bas	44
	2.9.2 Lot Parkir	44
	2.9.3 Taman Permainan	45
2.10	Rumusan	47

3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	48
3.2	Kawasan Kajian Skudai	49
3.3	Proses Metodologi Kajian	50
3.3.1	Fasa Pertama: Pernyataan Masalah	50
3.3.2	Fasa Kedua: Penerangan Kajian	50
3.3.3	Fasa Ketiga: Menganalisis Data	52
3.3.4	Fasa Keempat: Kesimpulan dan Cadangan	53
3.4	Persampelan Kajian	54
3.5	Kaedah Soal Selidik	54
3.5.1	Struktur Borang Soal Selidik	55
3.5.2	Kerangka dan Format Soal Selidik	56
3.5.3	Soalan Pilihan Skala Likert	57
3.6	Rumusan	58
4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Maklumat Demografi Responden (Analisis Frekuensi)	60
4.2.1	Jantina	60
4.2.2	Umur	62
4.2.3	Tahap Pendidikan	63
4.2.4	Pekerjaan	65
4.2.5	Rumusan Analisis Latar Belakang Responden	66
4.3	Analisis Data Bagi Mencapai Objektiviti Kajian Pertama: Mengenal Pasti Persepsi Kejiranan Terhadap Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah	67
4.3.1	Analisis Deskriptif Faktor-Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah	69
4.3.2	Analisis Min Faktor-Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah	74

4.3.3	Analisis Indeks Kritikal Faktor-Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah	78
4.4	Analisis Data Bagi Mencapai Objektiviti Kedua: Mengenal Pasti Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejuruan	83
4.4.1	Analisis Deskriptif Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejuruan	83
4.4.2	Analisis Min (<i>Mean Analysis</i>) Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejuruan	88
4.4.3	Analisis Indeks Kritikal (<i>Criticality Index</i>) Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejuruan	92
4.5	Rumusan	96
5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	97
5.2	Penemuan Kajian	98
5.2.1	Penemuan Objektif Pertama Kajian: Mengenal Pasti Elemen yang Mendorong kepada Perlakuan Jenayah di Kawasan Kejuruan	99
5.2.2	Penemuan Objektif Kedua Kajian: Mengenal Pasti Fasiliti Yang Paling Berisiko Terhadap Kelakuan Jenayah di Kejuruan	102
5.3	Limitasi dan Permasalahan Kajian	106
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	107
5.5	Rumusan	107
	RUJUKAN	108
	Lampiran A-B	113-142

SENARAI JADUAL

NO..JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Statistik Kes Jenayah Jalanan Mengikut Negeri Dalam Malaysia	5
2.1	Faktor-faktor Persekitaran Fizikal yang mendorong kepada Perlakuan Jenayah di Kawasan Kejiranan (Ciri-ciri Fizikal)	42
2.2	Faktor-faktor Persekitaran Fizikal yang mendorong kepada Perlakuan Jenayah di Kawasan Kejiranan (Ciri-ciri Pengurusan)	43
2.3	Jenis-jenis fasiliti yang paling berisiko di kawasan kejiranan	46
3.1	Pecahan Seksyen Borang Kaji Selidik Mengikut Jenis Soalan	55
4.1	Analisis Frekuensi Jantina Responden	60
4.2	Analisis Frekuensi Umur Responden	62
4.3	Analisis Frekuensi Tahap Pendidikan Responden	63
4.4	Analisis Frekuensi Pekerjaan Responden	65
4.5	Tiga Skala Kepentingan	68
4.6	Faktor-Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah (Ciri-Ciri Fizikal)	69
4.7	<i>Rank</i> Tertinggi Faktor Pendorong Perlakuan Jenayah (Ciri-ciri Fizikal)	70
4.8	Faktor-Faktor Yang Mendorong Perlakuan Jenayah (Ciri-Ciri Pengurusan)	72
4.9	<i>Rank</i> tertinggi Faktor Pendorong Perlakuan Jenayah (Ciri-ciri Fizikal)	73

4.10	Skala Jawapan Likert berdasarkan Borang Kaji Selidik	74
4.11	Analisis Min Faktor yang Mendorong Perlakuan Jenayah	75
4.12	Analisis Min Terpenting Faktor yang Mendorong Perlakuan Jenayah	76
4.13	Hasil analisis indeks bagi faktor utama yang mendorong perlakuan jenayah di persekitaran fizikal kejranaan	78
4.14	Hasil analisis indeks tertinggi bagi faktor utama yang mendorong perlakuan jenayah di persekitaran fizikal kejranaan	80
4.15	Fasiliti yang paling berisiko berdasarkan fasiliti sedia ada di kawasan kejranaan	84
4.16	Fasiliti yang paling berisiko berdasarkan fasiliti sedia ada di kawasan kejranaan mengikut <i>Rank</i>	86
4.17	Hasil Analisis Min Fasiliti yang paling berisiko berdasarkan fasiliti sedia ada di kawasan kejranaan mengikut <i>Rank</i>	88
4.18	Fasiliti yang paling berisiko berdasarkan fasiliti sedia ada di kawasan kejranaan mengikut <i>Rank</i>	90
4.19	Hasil Analisis Indeks Kritikal Fasiliti yang paling berisiko berdasarkan fasiliti sedia ada di kawasan kejranaan mengikut <i>Rank</i>	92

SENARAI RAJAH

NO..JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Elemen Asas Pengubahsuaian CPTED	3
1.2	Metodologi Kajian	16
4.1	Peratusan Jantina Responden	61
4.2	Peratusan Umur Responden	62
4.3	Peratusan Tahap Pendidikan Responden	63
4.4	Peratusan Pekerjaan Responden	65
4.5	Peratusan Ciri-ciri Fizikal berdasarkan Responden	71
4.6	Peratusan Ciri-ciri Pengurusan berdasarkan Responden	73
4.7	Hasil Analisis Indeks Kritikal Berdasarkan Responden	80
4.8	Hasil Analisis Deskriptif Berdasarkan Responden Mengenai Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejiranan	87
4.9	Hasil Analisis Min Berdasarkan Responden Mengenai Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejiranan	91
4.10	Hasil Analisis Indeks Kritikal Berdasarkan Responden Mengenai Fasiliti Paling Berisiko di Kawasan Kejiranan	95

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

BIFM	-	British Institute of Facilities Managemnt
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
CPTED	-	Pencegahan Jenayah Melalu Rekabentuk Persekitaran
KPKT	-	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
JPBD	-	Jabatan Perumahan Bandar dan Desa
OKU	-	Orang Kurang Upaya

SENARAI LAMPIRAN

NO.LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Kaji Selidik	113
B	Rumusan Analisis Frekuensi	119

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Hubungan unik antara kaum di negara ini telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk berbilang kaum yang disegani di serata dunia. Menyedari hakikat tersebut, kerajaan menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggubal garis panduan khusus bagi memastikan konsep kejiranan (*neighbourhood concept*) bagi menjamin interaksi dan hubungan sosial antara penduduk. Hal ini kerana, hubungan sosial antara kaum dan agama dapat diperkukuh melalui tempat tinggal kerana peranan daerah kejiranan sebagai rutin pertemuan keluarga yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Sehubungan dengan keinginan Malaysia untuk memastikan ikatan sosial yang erat sesama penduduk di samping menjana ekonomi melalui fungsi kejiranan yang dinamik, maka persekitaran fizikal adalah peluang terbaik untuk menjamin keselesaan dan kemudahan penduduk di sekitar kejiranan. Melalui Garis Panduan Perancangan Perumahan (2013), salah satu tujuan perumahan di kejiranan adalah membina kemudahan awam yang mencukupi, berkualiti, mudah diakses, mesra penggunaan kepada warga orang kelainan upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak.

Melalui program yang dijalankan oleh KPKT ini juga, pemantapan “*neighbourhood concept*” atau konsep kejiranan seharusnya diperkuatkan melalui pengwujudan pusat komuniti yang terletak di setiap unit kejiranan seperti rumah ibadah, tadika, padang permainan, dan kedai-kedai komuniti bagi tujuan itu. Justeru, persekitaran fizikal atau fasiliti kejiranan adalah komponen utama yang perlu diteroka dan dikaji bagi memastikan tujuan pemantapan “*neighbourhood concept*” dicapai.


Persekitaran fizikal di kejiranan mewakili frasa fasiliti kejiranan. Secara istilah, fasiliti kejiranan adalah tempat untuk orang ramai atau persendirian seperti kedai, restoran, parkir kenderaan, hentian bas, kolam renang awam, mesin ATM, perpustakaan, stesen kereta api, dan pusat beli belah (Clarke & Eck, 2007). Keadaan fasiliti dan persekitaran fizikal yang terpelihara dan diselenggara dengan baik adalah penyumbang kepada tingkahlaku penduduk setempat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Tetapi, seringkali persekitaran fizikal seperti taman permainan, papan tanda, dan sebagainya masih tidak diberikan perhatian oleh pihak yang sepatutnya.

Lantaran pengabaian persekitaran fizikal dan fasiliti maka wujudnya tempat-tempat yang digelar “fasiliti berisiko”. Kawasan yang dikatakan “fasiliti berisiko” adalah keadaan fasiliti yang mampu menarik tindak balas pelaku jenayah untuk melakukan jenayah terutama orang yang tinggal di tempat berdekatan. Menurut Clarke & Eck (2007), di antara faktor yang menjadikan sesebuah kejiranan mempunyai “fasiliti berisiko” adalah seperti; pelaku jenayah yang melakukan jenayah sama berulang kali, kawasan “*hot spot*” iaitu tempat yang banyak berlaku jenayah dan mangsa berulang dalam siri jenayah singkat.

Menurut Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa (JPBD) dalam Garis Panduan Perumahan 2013 lagi, konsep asas fasiliti di kawasan perumahan hendaklah mengikut Pencegahan Jenayah Mengikut Rekabentuk Persekitaran (CPTED). Ini menunjukkan bahawa sebenarnya kerajaan sendiri meletakkan keutamaan

keharmonian melalui persekitaran fizikal dan kemudahan fasiliti di kawasan kejiranan. Konsep CPTED ini merupakan satu kaedah yang diketengahkan oleh kerajaan kerana keupayaannya untuk mengekang kelakuan jenayah bermula dari rekabentuk dan pengurusan persekitaran fizikal.

CPTED mengetengahkan bahawa rekabentuk persekitaran adalah penting sepertimana kegunaan dan pengurusan ruang (Draper & Cadzow, 2004). Justeru, faktor rekabentuk, kegunaan, dan pengurusan ruang adalah tiga faktor yang amat penting dalam menjadikan persekitaran fizikal seperti fasiliti mampu memberi sumbangan dalam membanteras jenayah. Model yang diketengahkan oleh Casteel & Peek-Asa (2000), meletakkan empat elemen yang menjadi teras dalam pembanterasannya jenayah.



Rajah 1.1: Elemen Asas Pengubahsuaian CPTED

Dari sini, pengurusan fasiliti memainkan peranan yang amat penting dalam menjadikan fasiliti dan persekitaran fizikal merupakan tempat yang selamat dan mampu mencegah jenayah dari berlaku di kawasan kejiranan. Ini kerana keadaan persekitaran memberi pengaruh psikologi yang amat mendalam kepada kanak-kanak

dan remaja. Menurut Azmi & Karim (2012), kelakuan komuniti di sesebuah tempat dipengaruhi oleh “*walkability*” di kawasan perumahan tersebut. Istilah “*walkability*” ini pernah disebutkan oleh Brown, Werner, Amburgey, & Szalay (2007), bahawa keadaan persekitaran fizikal di kejiranan mampu menjana perasaan takut dan risau sama ada jenayah dan sebagainya pada penduduk ketika menggunakan jalanan di sekeliling perumahan. Seterusnya memberi isyarat bahawa reka bentuk dan pengurusan fasiliti di sesebuah kawasan komuniti itu secara langsung mampu menghalang sesuatu fasliti menjadi faktor penarik ataupun penjana kepada jenayah.

Kewujudan jenayah sesungguhnya merupakan satu kerugian sosial bagi masyarakat yang menetap di kejiranan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi dan boleh dianggap “*hot spot*”. Malah dilihat sebagai mampu melumpuhkan pembangunan sosial dan ekonomi secara tidak langsung menyukarkan individu untuk bergerak bebas secara selamat di kawasan kejiranan.

Kewajaran menerapkan elemen pengurusan fasiliti yang mampan di kawasan kejiranan dalam mampu menjadi model transformasi di mana fasiliti adalah satu alat yang boleh digunakan oleh semua pihak sama ada badan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga swasta sebagai alat membanteras jenayah di kejiranan. Sekaligus, melihat pengurusan fasiliti sebagai satu keutamaan dalam mencapai matlamat kerajaan supaya belia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akliah dan jasmaniah serta menjadi penggerak negara selaras dengan Wawasan 2020 (Dasar Pembangunan Belia Negara ,1997)

1.2 Pernyataan Masalah

Kepentingan persekitaran fizikal kejiranan dilihat sangat penting kerana fungsinya sebagai pusat sosio-ekonomi bagi penduduk kejiranan dan peluang untuk interaksi secara kondusif di antara kaum dan berbagai lapisan masyarakat (JPBD, 2013). Menurut Bourne (1981) pula, kawasan perumahan atau kejiranan ini bukan sahaja merupakan struktur fizikal yang menyediakan perlindungan kepada penghuninya tetapi juga berkait rapat dengan sosio-ekonomi, politik kejiranan dan persekitaran. Kenyataan-kenyataan ini menguatkan bahawa peranan besar yang digalas oleh persekitaran fizikal atau fasiliti kejiranan sebagai penjana jaringan sosial dan ekonomi masyarakat di peringkat akar umbi.

Walaupun bagaimanapun, fasiliti ini perlu diselenggara dan diurus dengan betul kerana ia boleh bertukar fungsi menjadi “fasiliti berisiko”. Dengan itu, Bowers (2014) telah menyatakan bahawa teori "fasiliti berisiko" ini menjelaskan bahawa sesebuah fasiliti adalah nadi kepada jenayah secara dari dalam kawasan kejiranan itu sendiri. Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa fasiliti itu sendiri mempunyai daya tarikan untuk mempengaruhi orang sekeliling untuk melakukan jenayah. Hal ini dijelaskan oleh (Clarke & Eck, 2007) mengenai teori bahawa persekitaran fizikal seperti fasiliti mampu menjadi “*attractor*” (penarik) dan “*generator*” (penjana) kepada jenayah. Faktor *attractor* dan *generator* ini juga adalah bukan memberi pengaruh kepada orang sekitar untuk melakukan jenayah tetapi juga seakan menggalakkan pelaku jenayah sedia ada untuk melakukan jenayah di kawasan kejiranan yang mempunyai fasiliti berisiko.

Jadual 1.1: Statistik kes jenayah jalanan mengikut negeri dalam Malaysia

Negeri	2009	2010	2011	2012	2013
Johor	6,501	3,445	2,964	2,452	2,053
Kedah	1,395	1,134	1,042	973	878
Kelantan	565	428	412	327	253
Kuala Lumpur	10,439	208	312	297	266

Melaka	516	459	469	495	512
Negeri Sembilan	1,376	1,076	1,161	1,173	862
Pahang	481	307	301	420	384
Perak	1,954	1,580	1,445	1,338	1,145
Perlis	21	81	72	68	50
Pulau Pinang	2,526	1,847	1,062	1,035	1,064
Sabah	871	649	500	453	417
Sarawak	1,206	946	756	600	548
Selangor	10,170	6,653	6,579	7,238	7,945
Terengganu	257	227	245	221	192
Jumlah	38,323	25,593	23,408	22,513	22,330
Jumlah Keseluruhan	132,167				

Sumber: Laporan statistik oleh Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman

Statistik jenayah jalanan seperti yang dinyatakan di atas adalah merupakan sebahagian daripada jenayah yang serius berlaku di kawasan kejiranan di mana jenayah jalanan ini terbahagi kepada tiga iaitu curi ragut, samun tanpa bersenjata api, dan samun berkawan tanpa bersenjata api. Statistik jenayah jalanan yang mewakili setiap negeri di negara ini yang bermula dari tahun 2009 sehingga tahun 2013, telah mengumpulkan sebanyak 132,167 kes jenayah jalanan yang dilaporkan sahaja. Dari tahun 2011 sehingga 2013, kadar jenayah yang telah dicatatkan tertinggi adalah Selangor kemudian diikuti oleh Kuala Lumpur, dan Johor.

Jenayah di kejiranan terdiri daripada 14 jenis jenayah dan di antaranya adalah pecah rumah, rogol, kecurian kenderaan, ragut, dan bunuh. Jenayah-jenayah ini disifatkan sebagai serius dan sering berlaku berdasarkan statistik jenayah jalanan yang telah disebutkan sebelum ini. Impak daripada statistik jenayah serius tersebut, maka lahir satu kebimbangan besar terhadap warga kejiranan khususnya yang tinggal di tempat-tempat pesat membangun khususnya negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Johor berdasarkan kedudukan statistik sehingga 2013.

Kajian daripada Cheng & Smyth (2015) yang menyokong kenyataan daripada Ross (1993) telah mendapati bahawa kebimbangan terhadap jenayah kebahagiaan terjejas melalui peluang dikurangkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti riadah luar. Permasalahan seperti ketakutan dan kebimbangan terhadap jenayah sebenarnya mempunyai impak yang agak berat terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan penduduk setempat. Elemen-elemen seperti kualiti perumahan dan kejiranan yang usang, dan tinggi kadar jenayah mampu membawa kepada pertambahan masalah psikologi dan sosial kepada penduduk. Impaknya juga mungkin sedikit berbeza bergantung kepada individu sama dan kebiasaannya melanda kaum wanita dan warga tua (Austin, Furr, & Spine, 2002)

Secara purata, kawasan yang banyak fasiliti lebih tinggi kadar jenayah berbanding kawasan yang kurang fasiliti (Haberman, Groff, & Taylor, 2011). Ini menandakan bahawa fasiliti merupakan peranan yang amat penting dalam menyediakan penjenayah untuk melakukan jenayah. Maka, ini disokong oleh Bowers (2014), bahawa setiap fasiliti mempunyai alasan menjadi "*attractor*" buat pelaku jenayah antaranya adalah lokasi fasiliti adalah terletak di tempat tinggal pelaku. Kerana mereka tidak perlu merantau jauh untuk melakukannya terutamanya pesalah bawah umur yang dibimbangi menjadi pemimpin masa hadapan.

Beberapa fasiliti seperti sekolah, kedai serbaneka dan lot parkir mampu digelar sebagai "fasiliti berisiko" (Clarke & Eck, 2007). Fasiliti yang tinggi kadar jenayah menghadapi lebih tinggi kos berbanding fasiliti yang rendah kadar jenayah (Clarke & Eck, 2007) membuktikan bahawa bukan sahaja masalah sosial mampu wujud di tempat sebegini, malah menyumbang kepada peningkatan kos untuk menyelenggara fasiliti yang kemungkinan besar disebabkan oleh vandalisme. Salah satu penyumbang terbesar jenayah tertumpu pada satu tempat adalah disebabkan tindakan "pengurus tempat" itu sendiri. Dalam kes ini, kita boleh kaitkan dengan pengurus fasiliti di kawasan itu (Eck et al., 2010).

Sistem pengurusan adalah salah satu faktor yang paling kuat menyokong dalam pembanterasannya atau menyumbang kepada peningkatan jenayah di dalam kawasan kemudahan fasiliti di sesuatu komuniti. Ini dibuktikan bahawa lemah dari segi pengurusan penyebab kadar jenayah tinggi di sesuatu fasiliti dan juga dari segi penguatkuasaan peraturan berbanding di tempat lain (Clarke & Eck, 2007). Sistem pengurusan dan kawalan yang teratur akan menjadikan “fasiliti berisiko” ini mempunyai kurang potensi untuk berlaku jenayah.

Selain pengurusan, faktor keadaan persekitaran fizikal adalah di antara yang paling perlu diberi perhatian kerana konsep “Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran” (CPTED) adalah lebih menekankan ciri-ciri fizikal sebagai proses pencegahan utama. Keupayaan fizikal dalam hal ini disokong oleh Draper & Cadzow (2004) bahawa CPTED menyetujui bahawa rekabentuk persekitaran adalah penting sepertimana kegunaan dan pengurusan ruang.

Justeru, kepentingan kajian ini ditunjukkan melalui perolehan persepsi daripada penduduk sekitar di kawasan kejiranan bagi mengetahui situasi sebenar yang berlaku di sekitar kawasan mereka. Malah, melalui kaji selidik ini maka kebimbangan dan ketakutan penduduk kejiranan terhadap jenayah yang mungkin berlaku kepada mereka sekiranya fasiliti berisiko berada di sekitar mereka dapat dikenalpasti. Di samping itu juga, kajian ini akan menunjukkan fasiliti yang paling berisiko kepada kejiranan berdasarkan hasil kaji selidik yang diperolehi bagi tujuan meningkatkan tahap pengurusan dan fasiliti sedia ada untuk kemaslahatan masa kini dan akan datang.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i) **Apakah faktor-faktor yang mendorong perlakuan jenayah di kawasan jenayah?**

Jawapan kepada soalan ini diperlukan untuk mengenal pasti dengan jelas faktor-faktor yang mendorong perlakuan jenayah di kawasan kejiranan.

- ii) **Apakah fasiliti yang paling mudah berlaku jenayah di kawasan kejiranan?**

Jawapan kepada soalan ini diperlukan untuk mengenal pasti fasiliti yang paling berisiko di kawasan kejiranan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i) Mengetahui persepsi kejiranan terhadap faktor yang mendorong perlakuan jenayah di persekitaran kawasan kejiranan
- ii) Mengetahui fasiliti yang paling berisiko berdasarkan fasiliti sedia ada di kawasan kejiranan

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti faktor-faktor yang menjadikan sesebuah fasiliti itu bertukar fungsi kepada “fasiliti berisiko”. Hal yang

sedemikian adalah kerana fasiliti berisiko adalah satu terma bagi menjelaskan keadaan fasiliti di sesebuah persekitaran kejiranan yang mampu memberikan kesan secara psikologi kepada penghuni di sekitar dan menjadi faktor *attractor* kepada perlakuan jenayah di kawasan sekitar kejiranan.

Justeru, persekitaran fizikal seperti taman permainan, papan tanda, jalan raya, pagar dan sebagainya dimiliki oleh kebanyakan kawasan perumahan yang tinggi kepadatan penduduk. Akibatnya, satu jabatan pengurusan untuk mengendalikan fasiliti-fasiliti sebegini ditubuhkan oleh pemilik tempat atau komuniti kerana kesukaran untuk menyenggara dan membaikpulih segala jenis kerosakan di samping memberi perkhidmatan penjagaan sekuriti dan keselamatan bagi pihak kejiranan. Kawasan kejiranan sebegini biasanya boleh didapati di kawasan perumahan bertingkat seperti pangsapuri, apartmen dan kondominium. Hal ini kerana kawasan komuniti kejiranan seperti ini mempunyai kepadatan penduduk yang sangat tinggi bagi sebuah blok sahaja yang sekurang-kurangnya mempunyai lebih dari empat tingkat.

Oleh yang demikian, aspek maklumbalas daripada penduduk di kejiranan ini amat penting untuk menunjukkan kesedaran daripada komuniti di kawasan kejiranan akan kewujudan “fasiliti berisiko” yang mampu membina minda jenayah di kawasan sekitar kawasan Johor Bahru memandangkan Johor adalah antara negeri yang paling tinggi mencatatkan kadar jenayah dalam tempoh lima tahun kebelakang.

Seterusnya, kawasan kejiranan bagi kategori perumahan dan pusat ekonomi telah dikenalpasti di sekitar kawasan Skudai seperti Taman Universiti, Taman Teratai dan Taman Pulau Utama. Fokus bagi kawasan-kawasan yang telah dibincangkan adalah kepada kawasan yang dipercayai tempat komuniti menjalankan aktiviti sosial dan juga perbandingan keadaan fasiliti di tempat-tempat ini.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharap dapat menunjukkan gambaran bahawa wujudnya faktor-faktor yang mengakibatkan sesebuah fasiliti itu bertukar fungsi menjadi fasiliti berisiko terhadap kegiatan jenayah. Fasiliti-fasiliti ini perlu dikenalpasti untuk mengetahui sejauh mana peranan persekitaran fizikal dapat membantu kepada pembangunan kanak-kanak bawah umur yang dianggap sebagai modal insan dan pemacu pembangunan negara akan datang. Oleh yang demikian, kajian ini seterusnya mampu memberi manfaat yang besar terutama kepada kerajaan, swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sehubungan itu, pihak-pihak yang berkenaan dapat membantu dan memainkan peranan dalam memperkasakan keadaan fizikal kejuranan khasnya kemudahan fasiliti dalam membina mentaliti anak-anak muda yang sedang membangun.

Selain itu, dengan mengenal pasti jenis fasiliti, sistem pengurusan dan keperluan kejuranan untuk membanteras kemudahan fizikal berkategori “fasiliti berisiko” kepada jenayah dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Malahan, pihak sasaran yang terlibat seperti pengurusan fasiliti atau pengurus tempat dapat mengambil langkah lebih besar dalam menjadikan kawasan mereka bebas dari fasiliti berisiko ini. Taman permainan, tanah lapang, pejalan kaki, papan tanda dan sebagainya dapat diselenggara mengikut kepentingan sekuriti dan keselamatan komuniti kejuranan.

Selain itu, pemaju perumahan terutama bagi perumahan berkategori perumahan bertingkat dapat amalan “Pencegahan Jenayah Melalui Rekabentuk Persekitaran” (CPTED) dapat diperluaskan bagi menyahut keperluan Garis Panduan Perancangan Perumahan oleh JPBD pindaan tahun 2013. Kajian ini membuktikan bahawa peranan strategi CPTED sebenarnya satu model yang bukan sahaja dapat menghalang jenayah biasa tapi juga melihat jenayah sebagai satu faktor yang perlu diberi perhatian. Oleh itu, pihak yang berkenaan dapat menambah baik penyediaan fasiliti di kawasan hot spot dan mencapai matlamat ‘zero risk facilities’

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian disusun mengikut susunan yang bermula daripada pengenalan mengenai topik yang hendak dikaji sehingga kepada penutup dan kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Proses ini dilakukan secara teratur mengikut bab agar hasil yang diperoleh menepati tujuan dan objektif kajian ini dijalankan. Berikut adalah enam (6) peringkat bab:

1.7.1 Pendahuluan: Kajian Awal

Kajian mestilah dimulakan dengan mengenal pasti jenis kajian dan skop kajian yang sesuai dan mengikut keperluan kursus Sarjana Pengurusan Aset dan Fasiliti. Tajuk kajian akan mempengaruhi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian ini kepada pihak-pihak tertentu. Dalam peringkat ini juga, penerangan mengenai metodologi kajian ditentukan bersama.

1.7.2 Kajian Literatur

Tujuan kajian literatur ini dilakukan adalah untuk menunjukkan satu gambaran yang sangat jelas dan komprehensif mengenai isu dan topik yang sedang dikaji. Penjelasan mengenai kajian lebih tertumpu pada aspek-aspek teori agar maklumat mengenai kajian lebih mendalam serta kesimpulan pada akhir kajian dapat dilakukan. Pada peringkat kajian literatur ini, teori mengenai konsep perumahan kejiranan, keperluan persekitaran fizikal, jenis-jenis fasiliti yang perlu ada di kejiranan, pengurusan fasiliti, sebab-sebab berlakunya jenayah, konsep jenayah di persekitaran perumahan akan turut dikupas. Pada peringkat ini juga, pembacaan

untuk mendapatkan maklumat adalah dengan melalui kajian-kajian yang pernah dilakukan, keratan akhbar, artikel, jurnal, buku rujukan dan laman sesawang.

1.7.3 Mengenal Pasti Kaedah Kajian

Pada peringkat ini, sasaran dikenalpasti melalui skop, matlamat dan objektif yang hendak dijalankan. Kajian literatur biasanya diperolehi menerusi sumber data sekunder iaitu melalui maklumat diperoleh dari hasil pembacaan bahan ilmiah. Manakala, data primer pula diperoleh daripada samaada soal kaji selidik, pemerhatian dan temuduga terutama dengan pihak kejurangan dan pengurusan fasiliti perumahan.

Data diperoleh boleh melalui bentuk kualitatif iaitu berdasarkan jawapan-jawapan temuduga dan juga pemerhatian yang dilakukan. Soalan-soalan disediakan dan diolah daripada kajian literatur atau teori-teori yang telah dicatat dalam perigkat sebelumnya. Selain itu, penggunaan alat rakaman video dan suara juga amat penting dalam pengumpulan kualitatif. Dengan ini, kajian dapat dianalisa untuk bab seterusnya.

1.7.4 Mengumpulkan Data

Kawasan kajian bagi tujuan pengumpulan data diterangkan dengan lebih jelas pada peringkat ini. Ini termasuklah, lokasi atau kawasan perumahan, jenis perumahan, ciri-ciri persekitaran fizikal serta fasiliti yang disediakan di kawasan kejurangan yang tersebut. Kaedah mengumpulkan data dilakukan melalui dua kaedah asas iaitu primer dan sekunder.

Pada peringkat ini, data primer dijalankan melalui borang kaji selidik disasarkan kepada penduduk komuniti yang berkemungkinan sekali merasa terancam akan jenayah dan fasiliti berkategori fasiliti berisiko bagi jenayah di kawasan perumahan tersebut. Jenis respon yang diharapkan adalah pendapat mengenai keselesaan menggunakan fasiliti seperti taman permainan dan sebagainya serta kesan terhadap kemungkinan berlakunya jenayah di kawasan kejiranan. Manakala, bagi data sekunder pula diperlukan bagi mengenal pasti jenis jenayah berhubung dengan kejadian jenayah seperti vandalisme, kecurian, pergaduhan, rompakan dan samun, dan sebagainya di kawasan terbabit dengan fasiliti. Di samping itu, jenis amalan pengurusan fasiliti di tempat yang terbabit juga diambilkira. Kepentingan data primer ini akan menentukan faktor kejayaan kajian melalui ketepatan dan kesahihan data diperoleh.

Selain itu, data-data sekunder pula diperoleh daripada rujukan bertulis seperti keratan akhbar, buku-buku rujukan, laman web, jurnal, artikel dan kajian-kajian lampau. Kepentingan data sekunder adalah untuk membuktikan teori menerusi kajian lapangan dan juga memastikan kajian adalah sahih untuk tujuan ilmiah.


1.7.5 Menganalisis Data

Berdasarkan data-data yang telah diperolehi, kerja-kerja menganalisis perlu dijalankan bagi tujuan memastikan kajian dapat memenuhi objektif kajian. Di antara aspek yang diambilkira dalam peringkat ini adalah eleme persekitaran fizikal yang menjadikan sesebuah fasiliti itu menjadi sebuah fasiliti berisiko dan impaknya terhadap minda pelaku jenayah. Kepentingan peringkat ini adalah bagi tujuan menentukan hasil keputusan dan menjawab objektif yang telah ditetapkan.

1.7.6 Cadangan dan Kesimpulan

Dalam peringkat ini, penemuan kajian dijelaskan melalui bentuk yang lebih komprehensif dan terperinci. Malahan, kesimpulan mengenai kajian yang telah dijalankan juga dibuat. Penemuan kajian secara keseluruhan amat penting dalam memastikan kejayaan kajian ini. Kesimpulan yang dibuat adalah bagi menyokong penemuan kajian secara menyeluruh. Oleh itu, peringkat ini adalah bagi menjawab tujuan, objektif dan segala persoalan berbangkit mengenai kajian.

Metodologi kajian dipamerkan dalam bentuk carta alir yang lebih mudah melalui Rajah 1.2.



Rajah 1.2: Metodologi Kajian

1.9 SUSUNATUR BAB

Kajian ini mempunyai lima bab. Bermula dengan Bab 1 yang mengolah dan menjelaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat, objektif, skop, kepentingan kajian serta metodologi kajian.

Bab 2 pula adalah kajian literatur yang menerangkan tentang konsep perumahan, perumahan kejiranan, kemudahan persekitaran fizikal, jenis-jenis fasiliti, fasiliti berisiko, rekabentuk pencegahan jenayah serta konsep jenayah di kejiranan serta pengaruh terhadap kelakuan jenayah. Bab ini memberi panduan agar perbandingan dapat dibuat semasa kajian dan pengakhiran kajian ini.

Seterusnya, Bab 3 pula adalah bab yang menjelaskan tentang kaedah kajian iaitu metodologi kajian. Metodologi kajian sangat penting dalam menentukan kesahihan dan kaedah paling sesuai bagi menjalankan kajian secara praktikal. Keseluruhan efektif kajian ditentukan bermula dari metodologi kajian. Rekabentuk kajian, pengumpulan dan kaedah digunakan untuk menganalisis data.

Bab 4 iaitu pengumpulan data dan analisis pula menjelaskan tentang ciri-ciri fizikal kajian seperti kawasan yang telah dijalankan seperti Taman Universiti, Taman Pulau Utama dan Taman Teratai secara ringkas dan ciri-ciri persekitaran yang ada di kawasan Skudai. Seterusnya data dikumpul dengan mengambil kira pengagihan borang kaji selidik kepada responden umum yang berada di sekitar di kawasan kejiranan yang mewakili penduduk di kawasan sekitar tersebut

Bab 5 adalah hasil analisis berdasarkan apa yang terdapat pada data yang terkumpul dalam Bab 4. Hasil data diperolehi dengan kaedah borang kaji selidik daripada responden di sekitar kejiranan di kawasan Skudai khasnya di kawasan

Taman Teratai, Pulau Utama dan Taman Universiti. Hasil daripada itu maka persoalan dan objektif dapat dijawab secara keseluruhan.

RUJUKAN

- Alexander, K. (1996). *Facilities Management: Theory and Practice*. London & New York: Taylor & Francis Group.
- Atkin, B., & Brooks, A. (2009). *Total Facilities Management* (Third Edit). Wiley-Blackwell.
- Austin, D. M., Furr, L. A., & Spine, M. (2002). The effects of neighborhood conditions on perceptions of safety. *Journal of Criminal Justice*, 30(5), 417–427. [http://doi.org/10.1016/S0047-2352\(02\)00148-4](http://doi.org/10.1016/S0047-2352(02)00148-4)
- Azmi, D. I., & Karim, H. A. (2012). A Comparative Study of Walking Behaviour to Community Facilities in Low-Cost and Medium Cost Housing. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 35, 619–628. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.02.129>
- Block, R. L. and C. R. Block. 1995. Space, place, and crime: Hot spot areas and hot places of liquor-related crime. In Crime and place, J.EckandD.Weisburd, eds.Monsey,NewYork:WillowTree Press
- Bourne, L. S. (1981). *Supported by: The Geography of Housing*.
- Bowers, K. (2014). Risky Facilities: Crime Radiators or Crime Absorbers? A Comparison of Internal and External Levels of Theft. *Journal of Quantitative Criminology*, 30(3), 389–414. <http://doi.org/10.1007/s10940-013-9208-z>
- Brantingham P. L., and P. J. Brantingham. 1993. Nodes, paths, and edges: Considerations on the complexity of crime and physical environment. *Journal of Environmental Psychology*– 13: 3–28
- Brown, B. B., Werner, C. M., Amburgey, J. W., & Szalay, C. (2007). Walkable Route Perceptions and Physical Features: Converging Evidence for En Route Walking Experiences. *Environment and Behavior*, 39(1), 34–61. <http://doi.org/10.1177/0013916506295569>
- Brunton-Smith, I., & Sturgis, P. (2011). Do Neighborhoods Generate Fear Of Crime?

An Empirical Test Using The British Crime Survey. *Criminology*, 49(2), 331–369. <http://doi.org/10.1111/j.1745-9125.2011.00228.x>

- Casteel, C., & Peek-Asa, C. (2000). Effectiveness of crime prevention through environmental design (CPTED) in reducing robberies. *American Journal of Preventive Medicine*, 18(4), 99–115. [http://doi.org/10.1016/S0749-3797\(00\)00146-X](http://doi.org/10.1016/S0749-3797(00)00146-X)
- Cheng, Z., & Smyth, R. (2015). Crime victimization, neighborhood safety and happiness in China. *Economic Modelling*, 51, 424–435. <http://doi.org/10.1016/j.econmod.2015.08.027>
- Clarke, R. V, & Eck, J. E. (2007). *Understanding Risky Facilities*. U.S Department of Justice. Retrieved from www.popcenter.org/tools/PDFs/risky_facilities.pdf
- Cozens, P., Hillier, D., & Prescott, G. (2001). Crime and the design of residential property – exploring the perceptions of planning professionals, burglars and other users. *Property Management*, 19(4), 222–248. <http://doi.org/10.1108/EUM0000000005784>
- Cozens, P. M., Saville, G., & Hillier, D. (2005). *Crime prevention through environmental design (CPTED): a review and modern bibliography*. *Property Management* (Vol. 23). <http://doi.org/10.1108/02637470510631483>
- Crowe, T. (2000), *Crime Prevention Through Environmental Design: Applications of Architectural Design and Space Management Concepts*, 2nd ed., Butterworth-Heinemann, Oxford.
- Draper, R., & Cadzow, E. (2004). *PEB Exchange , Programme on Crime Prevention Through Environmental Design*.
- Eck, J. E., Clarke, R. V, & Guerette, R. T. (2007). Risky Facilities: Crime Concentration in Homogeneous Sets of Establishments and Facilities. *Imagination for Crime Prevention: Essays in Honour of Ken Pease*, 21(2007), 225–264. Retrieved from http://www.researchgate.net/publication/228351019_Risky_facilities_Crime_concentration_in_homogeneous_sets_of_establishments_and_facilities/file/9c9605266b18592b89.pdf

- Eck, J. E., Madensen, T., Payne, T., Wilcox, P., Fisher, B. S., Scherer, H., & Bonnie, S. (2010). Situational Crime Prevention at Specific Locations in Community Context : Place and Neighborhood Effects. *Office*.
- Elo, I. T., Mykyta, L., Margolis, R., & Culhane, J. F. (2009). Perceptions of neighborhood disorder: The role of individual and neighborhood characteristics. *Social Science Quarterly*, 90(5), 1298–1320. <http://doi.org/10.1111/j.1540-6237.2009.00657.x>
- Fotios, S., Unwin, J., & Farrall, S. (2014). Road lighting and pedestrian reassurance after dark: a review. *Lighting Research and Technology*, 47, 1–21. <http://doi.org/10.1177/1477153514524587>
- Gómez, J. E., Johnson, B. A., Selva, M., & Sallis, J. F. (2004). Violent crime and outdoor physical activity among inner-city youth. *Preventive Medicine*, 39(5), 876–881. <http://doi.org/10.1016/j.ypmed.2004.03.019>
- Greenberg, S. W., Rohe, W. M., & Williams, J. R. (1982). Safe and Secure Neighborhoods: Physical Characteristics and Informal Territorial Control in High and Low Crime Neighborhoods. *National Institute of Justice*, 5(79), 141–165.
- Haberman, C. P., Groff, E. R., & Taylor, R. B. (2011). The Variable Impacts of Public Housing Community Proximity on Nearby Street Robberies. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 50(2), 163–188. <http://doi.org/10.1177/0022427811426335>
- Hartinger-Saunders, R. M., Rine, C. M., Nochajski, T., & Wieczorek, W. (2012). Neighborhood Crime and Perception of Safety as Predictors of Victimization and Offending Among Youth: A Call for Macro-Level Prevention and Intervention Models. *Children and Youth Services Review*, 34(9), 1966–1973. <http://doi.org/10.1016/j.childyouth.2012.05.020>
- Hillier, B. and Shu, S. (2000a), “Crime and urban layout: the need for evidence”, in Ballintyne, S., Pease, K. and McLaren, V. (Eds), *Secure Foundations: Key Issues in Crime Prevention, Crime Reduction and Community Safety*, Institute of Public Policy Research, London, pp. 224-48

- Hillier, B. and Shu, S. (2000b), "Do burglars understand defensible space?", Space Syntax web site available at: www.bartlett.ucl.ac.uk/spacesyntax/housing/BillCrimePaper/BillCrimePaper.htm
- Hunter, Albert. 1978. Symbols of Incivility: Social Disorder and Fear of Crime in Urban Neighborhoods. Reactions to Crime Project. Washington, DC: U.S. Department of Justice, National Criminal Justice Reference Service.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2013). *Selamat Di Sini! NKRA Mengurangkan Jenayah* (Vol. 007). Bahagian Penerbitan Dasar Negara. Retrieved from www.penerangan.gov.my
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa. (2013). *Garis Panduan Perancangan Perumahan* (Seventh Ed). Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa (1996). *Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Keith Alexander (1996) Facilities Management. London: E&FN Spon
- Kementerian Belia dan Sukan. (1997). Dasar Pembangunan Belia Negara, 4–7.
- Loukaitou-Sideris, a. (2006). Is it Safe to Walk? Neighborhood Safety and Security Considerations and Their Effects on Walking. *Journal of Planning Literature*, 20(3), 219–232. <http://doi.org/10.1177/0885412205282770>
- May, D. C., & Dunaway, R. G. (2000). Predictors of fear of criminal victimization at school among adolescents. *Sociological Spectrum*, 20, 149–169.
- Mccord, E. S., Ratcliffe, J. H., Garcia, R. M., & Taylor, R. B. (2007). Nonresidential Crime Attractors and Generators Elevate Perceived Neighborhood Crime and Incivilities. *Crime and Delinquency*, 44(Brower 1996), 295–320.
- Messner, S. F., & Rosenfeld, R. (2009). Handbook on Crime and Deviance. *Handbook on Crime and Deviance, 1976*, 209–224. <http://doi.org/10.1007/978-1-4419-0245-0>
- Montoya, L., Junger, M., & Ongena, Y. (2014). The Relation Between Residential Property and Its Surroundings and Day- and Night-Time Residential Burglary.

Environment and Behavior. <http://doi.org/10.1177/0013916514551047>

- Newman, O. 1972. *Defensible space: Crime prevention through urban design*. New York: MacMillan Company
- Newman, O. 1973, *Defensible Space, People and Design in the Violent City*, Architectural Press, London.
- Okuda S, Ishii J, Fukagawa K. Research on the lighting environment in the street at night. Part 1. Resident's attitude on the safety and security in the street at night: 26th Session of the CIE, Beijing, Jul 4–11: 2007
- Poyner, B. 1983. *Design Against Crime*. London: Butterworth
- Poyner, B., & Webb, B. (1991). *Crime free housing*. Oxford, UK: Butterworth Architect. Scherdin, M.
- Ross, C.E., 1993. Fear of victimization and health. *J. Quant. Criminol.* 9 (2), 159–175.
- Wilson, J. Q. and G. Kelling. 1982. "Broken Windows." *Atlantic Monthly* 211:29-38. Wilcox, P., N. Quisenberry, D. T. Cabrera, and S. Jones 2004. "Busy Places and Broken Windows? Toward Defining the Role of Physical Structure and Process in Community Crime Models." *Sociological Quarterly* 45 (2): 185-20